

JAWAPAN:

Untuk menjawab soalan (a), Kementerian ini mengambil maklum bahawa soalan Ahli Yang Berhormat berhubung pemalsuan Kad Pengenalan Biru bertaraf Warganegara Malaysia (MyKad) adalah merujuk kepada jumlah tangkapan dan pendakwaan bagi kesalahan di bawah Subperaturan 25(1)(e) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 (Pindaan 2007) yang menyatakan bahawa:

“tanpa kuasa yang sah atau sebab yang munasabah, mendapatkan lebih daripada satu kad pengenalan atau menggunakan kad pengenalan palsu atau kad pengenalan selain daripada kepunyaannya atau memiliki apa-apa dokumen pengenalan palsu yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini atau apa-apa dokumen pengenalan lain yang bukan atas namanya”.

Dalam hal ini, jumlah tangkapan dan pendakwaan bagi kesalahan tersebut dari tahun 2010 sehingga bulan Jun 2014 adalah seperti berikut:

BIL.	TAHUN	JUMLAH TANGKAPAN DAN PENDAKWAAN (ORANG/KES)
1.	2010	179
2.	2011	173
3.	2012	36
4.	2013	113
5.	Januari sehingga Jun 2014	51
JUMLAH KESELURUHAN		552

**Sumber : Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia
Tarikh Kemas Kini : 10 November 2014**

Bagi menjawab soalan (b), pesalah yang ditangkap dan didakwa di bawah Subperaturan 25(1)(e) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 (Pindaan 2007) boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau denda minimum RM3,000 dan denda maksimum RM20,000.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Y.B. IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL
[KANGAR]

SOALAN :-

Y.B. IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [KANGAR] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan pecahan penerima bantuan Skim Pinjaman Perumahan yang mengikut umur dan kawasan kediaman di negeri Perlis dan adakah Kementerian bercadang untuk meningkatkan jumlah kasar pendapatan isi rumah dari RM2,000 ke RM3,500 sebulan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah peminjam dari negeri Perlis adalah seramai 99 orang dimana 81 orang telah menyelesaikan pinjaman dan baki 18 peminjam masih aktif. Mereka yang masih aktif ini berumur di antara 27 tahun hingga 58 tahun.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) belum bercadang untuk meningkatkan pendapatan isi rumah kepada RM3,500 sebulan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2014